

# **Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkahlaku Jenayah**

*(Understanding Recidivism: A Basic Review on the Main Theories of Criminal Behaviour)*

**Mohd Alif Bin Jasni<sup>1</sup>, Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>2</sup>, Noralina Omar<sup>3</sup> & Norruzeyati Che Mohd Nasir<sup>4</sup>**

## **Abstract**

Recidivism is repetitive criminal behaviour that causes ex-prisoners to return to prison. A researcher should highlight this criminal behaviour from various theoretical perspectives to understand recidivism. It suits the nature of recidivism due to personal and environmental factors, making it a highly complex subject. This concept paper used the literature method to analyse recidivism from the perspective of leading theories of criminal behaviour such as the Classical Theory, Positivism Theory, Psychological Theory, Social Process Theory, Social Structure Theory, and Life-Course Theory. A basic understanding of recidivism derived from multiple theories expands the local researchers' views on the subject matter, producing new findings in the future.

## **Keywords**

Crime repetition, recidivism, criminal behavior theory, ex-prisoner, recidivist.

---

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti Utara Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>3</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia Asian Research Institute for Governance, (ARICG), Universiti Utara Malaysia

### **Penulis Koresponden:**

Mohd Alif Bin Jasni

Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

## Pengenalan

Individu yang berminat untuk memahami keadilan jenayah dan mereka yang bekerja di dalam bidang ini perlu memahami konsep pengulangan jenayah atau residivisme dengan baik. Kegagalan memahami mengapa bekas banduan mengulangi jenayah menyebabkan usaha mengintegrasikan semula bekas banduan menjadi terhad dan tidak berkesan. Matlamat kertas konsep ini adalah untuk mengesahkan bahawa teori-teori tingkahlaku jenayah adalah kritikal di dalam memberi dan membina satu pemahaman yang komprehensif mengenai perlakuan residivisme; walaupun seseorang bekas banduan itu telah melalui proses pemulihan di penjara. Residivisme dalam kalangan bekas banduan menimbulkan persoalan tentang keberkesanan program pemulihan yang ada di dalam penjara. Kadar pengulangan jenayah merupakan kayu ukur kepada keberkesanan sesebuah sistem keadilan jenayah.

Teori-teori sains sosial berkaitan perlakuan jenayah merupakan titik permulaan yang baik dalam memahami residivisme. Kerangka teoritikal menyokong penyelidikan saintifik yang membuktikan atau menyangkal penjelasan tertentu mengenai tingkahlaku pengulangan jenayah yang berlaku. Kerangka teoritikal juga memberi kita asas pengetahuan yang baik untuk perkara-perkara seperti amalan terbaik dalam bekerja dengan populasi yang berisiko, program pemulihan, terapi, dan kerangka undang-undang yang sesuai. Kesemua ini mampu menjadi input dalam memperkasakan lagi institusi atau sistem keadilan jenayah di sesebuah negara; khususnya di dalam memperkenalkan program pemulihan yang mampu mengurangkan jumlah pengulangan jenayah.

Persoalan yang sering menjadi kebimbangan para penggubal polisi, ahli akademik dan orang awam adalah “mengapa masih terdapat bekas banduan yang berterusan melakukan jenayah atau mengulangi jenayah?” Mengapa terdapat bekas banduan yang perlakuan jenayahnya progres dari jenayah dadah dan kecurian sehingga kepada jenayah berbentuk keganasan? Mengapa sesetengah individu yang masuk ke sistem keadilan jenayah dan menerima hukuman masih berterusan melakukan pengulangan jenayah apabila dibebaskan? Mengapa terdapat bekas banduan yang menjadi banduan berulang kali? Persoalan-persoalan berkenaan menjadi asas kepada pelbagai

kajian kriminologi yang pada dasarnya bertujuan untuk mengetahui mengapa sesetengah individu tidak dapat menjauhkan diri daripada melakukan jenayah sementara sesetengah individu yang lain berjaya berhenti dari terus melakukan jenayah. Penemuan daripada kajian-kajian sebegini meninggalkan pelbagai input yang bermakna di dalam pembinaan program pemulihan yang efisien untuk bekas banduan.

Kertas konsep ini cuba menjelaskan fenomena residivisme menerusi pelbagai perspektif teori. Ia membincangkan beberapa teori utama tingkahlaku dalam menjelaskan residivisme dalam kalangan bekas banduan. Matlamat utama kertas konsep ini adalah untuk menafsir dan mengontekstualisasi pelbagai perspektif teori dalam membincangkan pengulangan jenayah. Kertas konsep ini menyetarakan pelbagai teori yang dipinjam dari bidang psikologi, sosiologi, ekonomi dan kerja sosial dalam membincangkan tentang pengulangan jenayah.

Teori yang baik dan relevan dikatakan menyediakan lensa asas untuk menterjemahkan dan memahami manifestasi tingkahlaku jenayah dalam diri seseorang individu. Kepelbagai teori ini memberikan pandangan dan perspektif yang holistik tentang faktor-faktor penting yang dilihat dan dijangka boleh membantu menjelaskan pengulangan jenayah yang berlaku dalam negara. Ini kerana tidak terdapat satu teori tunggal yang dapat menjelaskan dengan tepat semua variasi jenayah dan pengulangan jenayah. Ia juga memperlihatkan terdapat keperluan untuk mengintegrasikan teori-teori yang ada ini dengan harapan untuk menerangkan lebih terperinci tentang pengulangan jenayah dalam landskap yang lebih besar. Penggunaan beberapa teori dalam kajian jenayah dan pengulangan jenayah berfaedah kerana ia membolehkan para pengkaji di masa akan datang memahami tingkahlaku pengulangan jenayah dengan lengkap.

## **Sorotan Literatur**

### **Konsep residivisme**

Konsep residivisme digunakan untuk memahami corak pengulangan jenayah seseorang individu. Residivisme merujuk kepada melibatkan diri semula dalam jenayah selepas menerima hukuman atau intervensi (King &

Elderbroom, 2014). Residivisme adalah kecenderungan untuk kembali kepada corak tingkahlaku jenayah yang lepas dan ia menyebabkan penangkapan semula, penyabitan semula, atau pemenjaraan semula (Tenibiaje, 2013). Residivisme atau pengulangan jenayah sering ditakrifkan sebagai seseorang yang melakukan jenayah semula (Henslin et al., 2015). Ia merupakan suatu bentuk penyimpangan sosial.

Tiada satu definisi yang tepat untuk menakrifkan residivisme. Kepelbagaiannya definisi residivisme menimbulkan kecaburan kepada konsep tersebut (Mohd Alif et al., 2017). Walau bagaimanapun, semua definisi berkongsi tiga ciri umum yang lebih kurang sama. Pertama, peristiwa permulaan seperti pembebasan dari jagaan (spt., penjara, pusat pemulihan), penyelesaian program, atau diletakkan dalam tempoh percubaan. Kedua, ukuran berdasarkan kegagalan berikutan peristiwa permulaan tersebut, seperti penangkapan, penyabitan akibat penangkapan dan pemenjaraan. Ketiga, tempoh masa residivisme (spt., 6 bulan, satu tahun, dua tahun, tiga tahun) bermula dengan tarikh peristiwa permulaan.

## **Ukuran residivisme**

Di Malaysia, pembebasan banduan mencatat jumlah yang tinggi setiap tahun. Seramai 124,567 orang banduan dibebaskan dari penjara pada tahun 2017, seramai 134, 690 orang pada tahun 2018 dan seramai 141,636 orang pada tahun 2019 (Jabatan Penjara Malaysia, 2020).

Bagi residivisme pula, pengulangan jenayah yang berterusan berlaku di dalam negara agak membimbangkan. Kadar pengulangan jenayah dalam negara secara konsisten menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2017, seramai 11,520 bekas banduan (daripada jumlah 124,567 orang yang dibebaskan dalam tempoh tiga tahun) mengulang laku jenayah (Jabatan Penjara Malaysia, 2020). Pada 2018 pula terdapat seramai 13,896 residivis; daripada 134,690 orang bekas banduan yang dibebaskan dalam tempoh tiga tahun. Seterusnya, pada tahun 2019, seramai 15, 410 pengulang laku jenayah atau residivis direkodkan daripada jumlah 143, 635 orang yang dibebaskan dalam tempoh tiga tahun (Jabatan Penjara Malaysia, 2020).

Matlamat sistem keadilan jenayah adalah memastikan jumlah pengulangan jenayah berada di bawah 10 peratus. Berdasarkan kayu ukur ini, boleh kita simpulkan yang kadar residivisme di dalam kalangan bekas banduan di Malaysia bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah membimbangkan kerana ia menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Secara tidak langsung, ia juga memberi gambaran kepada ketidakberkesanan program integrasi semula dalam masyarakat untuk bekas banduan.

Statistik pengulangan jenayah bukan sahaja tidak meliputi angka gelap jenayah; iaitu jumlah bekas banduan yang mengulangi jenayah, malah, ia juga tidak merangkumi bekas banduan yang residivis dan tidak tertangkap. Pada masa yang sama, statistik pengulangan jenayah yang ada tidak dapat menggambarkan realiti sebenar bilangan bekas banduan yang betul-betul telah berjaya mengubah tingkahlaku mereka menjadi individu yang patuh kepada undang-undang; iaitu tidak lagi terlibat dengan jenayah.

Kayu ukur kejayaan integrasi semula hanya diletakkan semata-mata pada jumlah pengulangan jenayah sahaja. Seharusnya, kejayaan program integrasi semula perlu mengambilkira kejayaan bekas banduan tidak mengulangi jenayah, kemampuan mereka menjalani kehidupan normal seperti berjaya mendapatkan pekerjaan yang sah, mampu mengekalkan hubungan kekeluargaan/ perkahwinan, mampu berintegrasi ke dalam kehidupan masyarakat, mempunyai rakan-rakan sebaya yang positif, tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Kesemua perkara ini tidak tergambar di dalam statistik yang ada.

Peningkatan kadar pengulangan jenayah setiap tahun mendorong kepada keperluan untuk meneroka faktor-faktor yang menyebabkan pengulangan jenayah ini. Kadar pengulangan jenayah semakin hari semakin meningkat di Malaysia walaupun pihak penjara mengenakan hukuman yang keras terhadap pesalah (Rahim et al., 2016). Residivisme bukan sahaja meningkatkan kadar jenayah tetapi meningkatkan kebimbangan masyarakat terhadap keselamatan diri dan negara, meningkatkan lagi kos ekonomi jenayah dan kos rawatan pemulihan yang disediakan oleh sistem keadilan jenayah (Thomas et al., 2002).

Terdapat banyak faktor penyebab yang mungkin dapat menjelaskan mengapa bekas banduan yang dilepaskan tidak boleh berjaya untuk tidak

melakukan semula jenayah. Sebilangan besar kajian mengkaji faktor-faktor penyumbang kepada residivisme yang dihadapi sepanjang dibebaskan. Pelbagai faktor risiko yang bersifat individu, keluarga dan masyarakat boleh menyumbang kepada residivisme. Mohd Alif (2018) mendapati bekas banduan mengulang laku jenayah kerana pelbagai sebab. Antaranya adalah ketiadaan tempat tinggal, hidup bergelandangan, penolakan keluarga, perkahwinan yang bermasalah, pengangguran, diskriminasi masyarakat, pergaulan dengan rakan-rakan sebaya yang antisosial atau penjenayah, ketagihan dadah/arak dan mempunyai penyakit berjangkit yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Memahami mengapa bekas banduan melakukan semula jenayah mampu membantu ahli krimiminologi dan agensi pemulihian mengembangkan cara untuk mengawal jenayah dan memulihkan residivis.

## **Penjelasan Teori-teori Tingkahlaku Jenayah mengenai Residivisme**

### **Teori Klasik Jenayah**

Aliran pemikiran klasik merujuk kepada hasil kerja abad ke-18 semasa zaman Pencerahan (*enlightenment*) oleh ahli falsafah utilitarian seperti Jeremy Bentham dan Cesare Beccaria. Teori Klasik jenayah ini melihat individu mempunyai kemampuan untuk memilih yang betul dari yang salah, dan memilih yang baik dari yang jahat. Individu yang memilih untuk melakukan jenayah berpendapat bahawa beliau akan memperoleh manfaat lebih besar dengan melakukan jenayah tersebut; berbanding kerugian. Teori ini mengandaikan individu adalah makhluk rasional yang mengejar minat dan kepentingan diri mereka sendiri, cuba memaksimumkan keseronokan mereka dan meminimumkan kesakitan mereka.

Berkaitan residivisme, teori ini mengandaikan bekas banduan akan memilih untuk melakukan jenayah apabila merasakan tindakan tersebut dapat memenuhi keperluan hidup dan memberi kepuasan kepada mereka. Bekas banduan yang ditolak keluarga, menganggur, mengalami ketagihan akan sering cenderung untuk terlibat dalam jenayah semula untuk kelangsungan hidup. Jenayah sebagai satu cara dalam mendapatkan apa yang dirasakan perlu untuk mendapatkan pendapatan secara mudah.

## Kriminologi Positivisme

Pada akhir abad kesembilan belas, beberapa prinsip teori klasik telah dicabar oleh pemikiran positivisme yang muncul dalam kriminologi. Kriminologi Positivisme dipimpin oleh tiga pemikir Itali: Cesare Lombroso, Enrico Ferri, dan Raffaele Garofalo. Kriminologi positivisme menganggap tingkahlaku jenayah mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Positivisme lebih mementingkan perkara yang dapat dilihat (*tangible*) dan boleh diukur. Positivisme menerapkan kaedah sains semulajadi untuk mengkaji tingkahlaku manusia. Mengikut perspektif ini, jenayah berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor seperti tekanan luaran (sosial) dan/ atau tekanan dalaman (individu).

Antara pelopor Kriminologi Positivisme adalah Aguste Comte. Beliau percaya bahawa manusia dilahirkan sama ada "baik" atau "buruk", dan sama ada "orang yang alim" atau "orang yang berdosa". Individu adalah produk sosial dan psikologi yang dipengaruhi oleh pendidikan dan persekitaran nya. Malahan struktur otak individu dan/ atau keupayaan mental atau biologinya menentukan tingkahlakunya.

Berdasarkan positivism Comte, Cesare Lombroso (1935-1909), Enrico Ferri (1856-1929) dan Raffaele Garofalo (1852-1934) telah memperkenalkan positivisme kriminologi moden, yang banyak tertumpu kepada biologi manusia dan trait jenayah. Teori Biologi Jenayah ini menjelaskan hubungan antara keadaan biologi tertentu dengan kecenderungan untuk melibatkan diri dalam tingkahlaku jenayah.

Cesare Lombroso misalnya mengaitkan bentuk tengkorak dan ciri-ciri tubuh badan individu dengan perlakuan jenayah. Beliau kemudiannya mengaitkan jenayah serius atau berterusan dengan atavisme; pengembalian kepada tahap pembangunan manusia yang primitif. Lombroso percaya jenayah dapat dikenal pasti secara anatomi oleh benda-benda seperti dahi, telinga, saiz yang luar biasa, asimetri muka, panjang lengan yang berlebihan, asimetri tengkuk, dan fizikal lain. Penjenayah tertentu, seperti pencuri, perogol, dan pembunuhan, boleh dibezakan oleh ciri-ciri tertentu.

William Sheldon pula mengaitkan bentuk tubuh badan individu dengan variasi perlakuan jenayah. Sheldon telah mencipta idea *somatotyping*; di mana beliau mengelaskan manusia berdasarkan jenis atau bentuk badan. Secara

definisi *somatotyping* adalah struktur atau pembentukan seseorang, terutamanya sejauh mana ia mempamerkan ciri-ciri *ectomorph* (kurus tinggi), *endomorph* (bulat dan gemuk), atau *mesomorph* (berotot). Menurutnya, tingkahlaku jenayah cenderung dilakukan oleh individu yang berotot (*mesomorphs*); berbanding dengan individu yang tinggi (*ectomorphs*) dan individu yang lembut (*endomorphs*).

## **Teori Pilihan Rasional**

Berbeza daripada teori klasik yang menjelaskan individu melakukan jenayah bagi mendapatkan kesenangan atau faedah, Teori Pilihan Rasional menyatakan penjenayah secara rasional memilih kejahatan yang akan dilakukan dan sasaran kejahatan (Cornish & Clarke, 1986). Tindakan yang dipilih dilihat sebagai rasional apabila individu telah menimbangkan keuntungan yang dapat diperoleh daripada jenayah yang dilakukan. Teori pilihan rasional menumpukan pada aspek situasi tingkahlaku jenayah; iaitu situasi yang mempengaruhi jenis tingkahlaku jenayah tertentu. Dengan kata lain, penjenayah tidak memilih sasarannya secara rawak.

Teori Pilihan Rasional adalah berdasarkan prinsip-prinsip asas kriminologi klasik, yang menegaskan bahawa orang bebas memilih tingkahlaku mereka dan dimotivasi dengan mengelakkan kesakitan dan mengejar keseronokan. Individu menilai pilihan tindakan mereka mengikut kemampuan masing-masing di dalam mencapai keseronokan dan kebahagiaan. Individu menimbang potensi manfaat dan akibat yang berkaitan dengan melakukan kesalahan dan kemudian membuat pilihan rasional berdasarkan penilaian ini.

Oleh itu, sebelum melakukan jenayah, individu membuat pertimbangan terhadap perkara-perkara berikut: peluang untuk tertangkap, jangkaan terhadap hukuman yang akan dikenakan, serta nilai keuntungan dan kerugian yang bakal diperoleh sekiranya melakukan perbuatan jenayah itu. Jika individu melihat kos terlalu tinggi, perbuatan terlalu berisiko, atau hasilnya terlalu kecil, ia akan memilih untuk tidak terlibat dalam perbuatan itu. Sama seperti pengulanglaku jenayah ini, mereka akan menilai terlebih dahulu keuntungan daripada melakukan jenayah. Jika menguntungkan dan menyeronokkan, mereka akan menjadi residivis.

## **Teori-teori psikologi**

Teori-teori psikologi merangkumi proses motivasi, menghalang (*inhibiting*), membuat keputusan, dan pembelajaran (Farrington, 1993). Idea motivasi yang paling biasa ialah individu secara semulajadi nya bersifat hedonistik, mementingkan diri sendiri, mencari kesenangan, menghindari kesakitan dan secara semulajadinya bersifat antisosial.

### ***Psikoanalisis***

Psikoanalisis adalah satu set teori dan teknik terapi yang berkaitan dengan kajian minda yang membentuk satu kaedah rawatan untuk gangguan mental. Psikoanalisis memegang kepada prinsip "*human by nature destructive*" - dalam diri manusia memang terdapat naluri yang mendesak untuk mendapatkan kepuasan. Selain itu, terdapat juga unsur yang menjadi penghalang terhadap keinginan mendapatkan kepuasan. Antaranya adalah unsur id - desakan untuk kepuasan, ego - diri, akal pemikiran dan superego - undang-undang, agama, tatasusila. Ego ialah diri dan akal pemikiran individu yang cuba mengawal keseimbangan id dan superego. Jika id lebih dominan dan menyebabkan ego gagal mengawalnya, maka individu itu akan bertingkah laku ganas; termasuklah melakukan aktiviti jenayah. Jika superego lebih dominan, individu berkenaan akan menjadi seorang yang patuh pada norma kehidupan dan undang-undang.

### ***Psikologi tingkah laku (behaviourism)***

Psikologi tingkah laku menekankan kepada kaedah penyelidikan saintifik dan objektif. Pendekatan ini hanya berkaitan dengan tingkah laku rangsangan; iaitu tindak balas yang dapat dilihat. Menurut aliran ini, semua tingkah laku dipelajari melalui interaksi dengan persekitaran. Teori ini berdasarkan pembelajaran; iaitu semua tingkah laku diperoleh melalui pengkondisian yang berlaku melalui interaksi dengan persekitaran. Ahli tingkah laku percaya bahawa tindak balas individu terhadap rangsangan persekitaran membentuk tindakan individu (Krapfl, 2016). Pendek kata, psikologi tingkah laku percaya bahawa setiap individu berpotensi dilatih untuk melakukan sebarang tugas, tanpa mengira latar belakang genetik, sifat keperibadian, dan pemikiran dalaman individu. Psikologi

tingkahlaku menekankan peranan faktor persekitaran dalam mempengaruhi tingkahlaku individu, dan memberi tumpuan kepada pembelajaran.

### ***Teori Kognitif***

Teori kognitif menggabungkan prinsip psikologi sosial dan perkembangan dan teori psikologi eksperimen-klinikal. Teori ini menyatakan tingkahlaku sosial dipelajari. Kognitif didefinisikan sebagai kemampuan untuk memproses maklumat. Kognisi pula berkaitan dengan kemampuan seseorang untuk mempelajari maklumat dengan cepat, menghafal, dan memahami maklumat yang mereka terima. Teori ini melihat tingkahlaku jenayah sebagai kecacatan pemikiran moral, proses pemikiran, dan perkembangan mental individu.

### ***Teori-teori Sosiologi***

Teori-teori sosiologi meneroka hubungan antara kumpulan dan institusi. Mereka melihat jenayah sebagai hasil dari proses-proses sosial, sebagai akibat semula jadi aspek-aspek struktur sosial, atau akibat perjuangan dalam ekonomi dan kelas.

### ***Teori Struktur Sosial***

Teori ini menyatakan faktor struktur social seperti kemiskinan, kekurangan pendidikan, ketiadaan kemahiran yang boleh dipasarkan, dan nilai subbudaya sebagai penyebab utama kepada perlakuan jenayah. Justeru, jenayah lebih tinggi di kawasan kejiranan yang dikategorikan sebagai miskin dan ketidaksamaan sosial yang tinggi. Berkaitan dengan residivisme, kemiskinan, pendidikan yang kurang, pengangguran boleh menjadi penyebab kepada pengulangan jenayah. Ternyata faktor-faktor sebegini sering mempengaruhi tingkahlaku residivis untuk terlibat terus dalam pengulangan jenayah.

Di bawah Teori Struktur Sosial terdapat tiga teori kecil lain; iaitu Teori Ketidakaturan Sosial, Teori Ketegangan dan Teori Budaya Devian.

*(i) Teori Ketidakaturan Sosial*

Teori Ketidakaturan Sosial merangkumi konsep patologi social. Ia melihat masyarakat sebagai sejenis organisma dan jenayah sebagai sejenis penyakit sosial atau patologi sosial. Teori Ketidakaturan Sosial sering dikaitkan dengan perspektif ekologi social yang sering mengaitkan jenayah dengan keadaan kejiraninan yang teruk, kawalan sosial yang tidak mencukupi, dan nilai sosial yang berbeza. Dalam persaingan ada individu yang lebih berjaya daripada individu lain dan ada yang tidak berjaya. Individu yang kurang berjaya dan berasa kecewa mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk melakukan perbuatan jenayah bagi mencapai matlamat sosialnya. Ahli kriminologi berpendapat perlakuan jenayah wujud akibat daripada rasa tidak puas hati dan kecewa daripada golongan kelas rendah. Di kawasan yang tidak teratur atau miskin, ketegangan mudah berlaku kerana ketiadaan peluang untuk memperbaiki taraf hidup serta ketiadaan kemudahan dan kesempatan pekerjaan. Bagi mengatasi masalah ini, mereka akan menggunakan cara devian seperti mencuri, terlibat dengan jual beli dadah, samseng dan sebagainya untuk mencapai matlamat sosial.

*(ii) Teori Ketegangan*

Teori Ketegangan menyatakan struktur sosial dalam masyarakat boleh menekan inividu untuk melakukan jenayah. Masyarakat meletakkan tekanan pada individu untuk mencapai matlamat yang diterima secara sosial (seperti impian Amerika), walaupun mereka kurang bermakna. Ini membawa kepada ketegangan yang boleh menyebabkan individu melakukan kejahanan, seperti menjual dadah atau terlibat dalam pelacuran sebagai cara untuk mencapai impian hidup mereka.

Teori ketegangan menunjuk kepada kekurangan kesesuaian antara matlamat kejayaan sosial dan ketersediaan cara konvensional untuk mencapai matlamat tersebut. Banyak pengkaji telah membuat kajian tentang residivisme berdasarkan Teori Ketegangan. Misalnya, Listwan et al. (2013) menjalankan kajian terhadap 1613 banduan yang terlibat dalam penggulangan jenayah. Listwan et al. mendapati banduan menghadapi ketegangan selepas dibebas dari penjara dan juga disebabkan oleh persekitaran penjara, yang kemudiannya mendorong mereka untuk mengulangi laku jenayah. Selain itu, kajian Zweig et

al. (2015) pula mendapati banduan yang mengalami penganiayaan semasa di dalam penjara berkecenderungan tinggi untuk menjadi residivis dan terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Seterusnya, Ackerman dan Sacks (2012) mendapati kebanyakan banduan mempunyai ketegangan yang tinggi, kemurungan dan kemarahan, yang kemudiannya mendorong mereka untuk menjadi residivis.

### *(iii) Teori Budaya Devian*

Kenapakah majoriti jenayah tertumpu di satu kawasan? Teori Budaya Devian yang dibangunkan oleh Shaw dan McKay menjawab soalan tersebut. Teori ini menyatakan tingkahlaku individu dipengaruhi oleh tempat, orang, dan struktur sosial masyarakat di mana individu tersebut tinggal. Teori ini adalah kombinasi Teori Ketidakakuratan Sosial dan Teori Ketegangan. Faktor gaya hidup yang teruk, kekecewaan dan tiada bantuan menyebabkan komuniti kelas rendah mencipta sub-budaya tersendiri yang mempunyai set nilai dan peraturan tersendiri. Sub-budaya ini adalah sebagai alternatif untuk disesuaikan dengan permintaan golongan kelas menengah dan ia bertentangan daripada budaya dan nilai konvensional yang sebenar. Individu yang tidak mempunyai keupayaan untuk mencapai matlamat sosialnya tidak akan melakukan perbuatan jenayah, melainkan ia memperoleh kesempatan melakukan jenayah.

### **Teori Proses Sosial**

Teori ini membincangkan proses sosial dan perkembangan jenayah. Teori ini menilai semua aspek pengalaman hidup, dari lahir hingga remaja dan dewasa, keadaan individu, dan pengalaman hidup yang membawa kepada penglibatan individu dalam jenayah. Teori ini melihat hubungan/ interaksi dengan ibu bapa/ penjaga, rakan sebaya, pihak autoriti (spt., guru, majikan, dan agensi sistem keadilan) mempengaruhi tingkahlaku individu. Sekiranya individu mempunyai hubungan yang positif dan menyokong dengan individu lain yang penting di dalam kehidupannya, individu tersebut boleh mematuhi aturan dan norma sosial yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Sebaliknya, sekiranya individu mempunyai hubungan yang bermasalah dengan individu lain, ia akan merosakkan tingkah laku nya. Pendek kata, cara bagaimana seseorang individu itu disosialisasi menentukan tingkahlaku sosialnya.

Antara teori yang tergolong di dalam Teori Proses Sosial adalah:

- (i) Teori Pembelajaran Sosial,
- (ii) Teori Kawalan Sosial; dan
- (iii) Teori Pelabelan.

*(i) Teori Pembelajaran Sosial*

Menurut Teori Pembelajaran sosial, individu belajar bagaimana untuk melakukan jenayah. Teori Pembelajaran Sosial mempunyai tiga sub-teori; iaitu Teori Pergaulan Berbeza (*Theory Differential Association*), Teori Pengukuhan Berbeza (*Theory Differential Reinforcement*) dan Teori Peneutralan (*Neutralization Theory*). Sebagai satu teori proses, Teori Pembelajaran Sosial menyatakan individu belajar bertingkahlaku dengan cara memerhati dan meniru orang lain. Pembelajaran adalah proses kognitif yang berlaku dalam konteks sosial dan dapat berlaku melalui pemerhatian atau arahan langsung (Bandura & Walters, 1963). Burgess dan Akers (1966) menyatakan tingkahlaku jenayah dipelajari dalam situasi sosial dan bukan sosial melalui kombinasi peneguhan langsung, peneguhan perwakilan, arahan eksplisit, dan pemerhatian. Kebarangkalian terdedah kepada tingkahlaku tertentu dan sifat peneguhan bergantung pada norma kumpulan.

*(ii) Teori Kawalan Sosial*

Teori Kawalan Sosial dibina atas dasar konsep kawalan sosial yang ada. Teori ini mengatakan jenayah berpunca daripada ikatan hubungan yang lemah antara individu dengan individu lain dalam kehidupannya. Menurut Lilly et al. (1995), ikatan hubungan yang lemah boleh menghasilkan tingkahlaku jenayah yang tidak dapat dielakkan. Menurut Hirschi (1969), obligasi ini berdasarkan keterikatan mereka di dalam dan di luar keluarga, termasuk teman, guru, dan rekan kerja; komitmen terhadap aktiviti di mana seseorang telah melabur masa dan tenaga, seperti matlamat pendidikan atau kerjaya; penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang berkhidmat kepada kedua-dua bon secara individu kepada orang lain dan meninggalkan masa yang terhad untuk terlibat dalam kegiatan jenayah; dan akhirnya, kepercayaan dalam nilai sosial yang lebih luas (Siegel & McCormick, 2006).

*(iii) Teori Pelabelan*

Teori Pelabelan atau dikenali juga sebagai Teori Reaksi Sosial mengatakan label negatif boleh membentuk kerjaya jenayah dalam diri individu. Pandangan negatif masyarakat ke atas individu menyebabkan individu berkenaan membentuk konsep kendiri yang negatif dan kemudiannya boleh mendorong ia untuk melibatkan diri dalam tingkah laku anti sosial. Teori ini cuba mengatakan reaksi negatif ini adalah berpunca daripada masyarakat yang mengetahui tentang tingkah laku anti sosial seseorang itu.

***Teori Perspektif Kitaran Kehidupan***

Teori Perspektif Kitaran Kehidupan mengenal pasti corak kesalahan individu sepanjang hayat. Ia memahami mengapa individu mengulangi kesalahan dalam kehidupan mereka dan mengapa individu mengurangkan, atau berhenti melakukan kesalahan. Kitaran kehidupan mempelajari perubahan dalam kesalahan yang berkaitan dengan usia dengan cara yang teratur (Thornberry, 1997), evolusi jenayah ke atas kitaran kehidupan, atau peristiwa yang berlaku dalam dalam kehidupan seseorang itu (Blokland & Nieuwbeerta, 2005). Teori perspektif kitaran kehidupan boleh dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:

*(i) Teori Kawalan Kendiri Rendah (Low Self Control Theory)*

Hirschi dan Gottfredson berpendapat kawalan diri yang rendah merupakan punca utama semua kejahatan dan devian. Kawalan diri mendorong individu memilih persekitaran yang sesuai dengan tahap kawalan diri mereka, menjadikan hubungan sebab dan akibat antara konteks tertentu sosial dan jenayah (Hirschi & Gottfredson, 1995). Teori ini mengandaikan setiap individu mempunyai kecenderungan untuk bertindak agresif yang membawa kepada tingkah laku jenayah.

Teori ini juga menyatakan kawalan diri individu meningkat dengan usia akibat daripada perubahan biologi melalui pembangunan hormon, sosiolisasi dan peningkatan kos peluang untuk kehilangan kawalan. Hanya ikatan sosial yang kuat boleh menguasai tingkah laku apabila inividu ter dorong untuk melibatkan diri dalam perbuatan jenayah. Ikatan sosial ini datang dalam tiga

bentuk yang saling berkaitan; iaitu hubungan iaitu keterikatan (*attachment*), komitmen, penglibatan (*involvement*), dan kepercayaan (*belief*).

### *(ii) Dwi-Taksonomi*

Pada tahun 1993, Terrie Moffitt mencadangkan satu teori yang bukan sahaja mengintegrasikan konsep-konsep yang berasal dari bidang biologi, psikologi, dan sosiologi tetapi juga mendekati penjelasan delinkuen dan jenayah dari segi perspektif pembangunan. Moffitt bermula dengan mengatakan terdapat dua jenis pesalah di bawah '*aggregate age-crime curve*'. Pertama, pesalah yang berterusan (*persistent offender*), yang mula menyerang awal dalam kehidupan, berterusan terlibat dalam jenayah pada tahap yang tinggi semasa remaja, dan meneruskan kehidupan jenayah dengan berterusan ketika dewasa. Kedua, pesalah remaja terhad (*adolescence-limited offender*), yang memulakan kerjaya mereka dengan melakukan jenayah semasa zaman remaja dan melakukan dalam masa yang singkat, serta berhenti ketika mereka dewasa.

Berdasarkan kepada dua jenis pesalah berkenaan, Moffitt membuat hujah bahawa setiap jenis pesalah memerlukan penjelasan teorinya sendiri. Moffitt (1993) mengenal pasti faktor risiko semasa peringkat perkembangan ini sebagai pendahulu kepada delinkuen. Contohnya, pesalah remaja terhad bermula melakukan jenayah akibat mengalami tempoh kematangan (iaitu, jurang antara mencapai kematangan biologi/baligh dan diterima secara sosial ke dalam peranan sosial dewasa) atau perilaku pemodelan (pada tahap yang kurang serius) dari rakan sejawat mereka yang berterusan.

### *(iii) Teori Pengkelasan Umur (Age-Graded Theory)*

Sampson dan Laub menekankan kepentingan peristiwa tertentu dan perubahan hidup yang dapat mengubah keputusan individu untuk melakukan (atau tidak melakukan) tindakan jenayah. Bagi menjelaskan tingkah laku jenayah, individu Teori perspektif kitaran kehidupan menggunakan pelbagai konsep seperti permulaan jenayah, kesinambungan, kekerapan kesalahan, menjarakkan diri daripada perlakuan jenayah (*desistence*), dan faktor-faktor yang terlibat dalam tingkah laku jenayah (Sampson & Laub, 1993). Pengalaman hidup yang positif boleh membantu sesetengah penjenayah berhenti daripada

jenayah, manakala yang negatif boleh menyebabkan mereka untuk meneruskan aktiviti mereka. Teori perspektif kitaran kehidupan menyedari bahawa sebaik seseorang matang, faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tingkahlaku mereka akan turut berubah sepanjang kehidupan yang dilalui.

Contohnya, pada awal kehidupan kanak-kanak, hubungan keluarga mungkin yang paling berpengaruh dalam membentuk kehidupan seseorang. Sekiranya wujud pengaruh jenayah di dalam sesebuah keluarga tersebut ianya mempunyai kesan yang signifikan di dalam membentuk tingkahlaku jenayah anggota keluarga yang lain pada masa depan. Keadaan ini berterusan apabila individu melalui kehidupan remaja, apabila insitusi sekolah dan hubungan rakan sebaya menjadi faktor yang berpengaruh di dalam mempengaruhi tingkahlaku social mereka.

Dua konsep utama yang mendasari analisis Teori Kitaran Kehidupan adalah trajektori dan peralihan. Peralihan, atau peristiwa yang penting dalam mengubah trajektori ke arah atau terhadap jenayah adalah perkahwinan dan pekerjaan (Kokko et al., 2006; Sampson & Laub, 2005). Titik perubahan pula adalah peristiwa-peristiwa besar dalam hidup yang membantu individu berhenti daripada melakukan jenayah.

## **Perbincangan**

Dalam kertas konsep ini, pelbagai teori yang telah dikupas berupaya dalam menjawab faktor yang menyebabkan seseorang itu mengulangi jenayah. Setiap teori mempunyai kekuatan dalam membincangkan tentang pengulangan jenayah yang berlaku. Hal ini kerana pengulangan jenayah dilihat sebagai produk sampingan dari keadaan sosial, psikologi, ekonomi dan peribadi. Akibatnya, bekas banduan digambarkan sebagai orang yang terdedah dan dipengaruhi oleh keadaan sosial yang tidak wajar.

Begini juga, berlakunya tingkahlaku jenayah dalam kalangan bekas banduan disebabkan oleh pemulihian di dalam institusi pemenjaraan yang tidak berkesan. Kegagalan tersebut adalah kerana program institusi pemulihian tidak mempunyai banyak kawalan apabila banduan ini mula berada di luar tembok penjara. Untuk mencapai tahap yang berjaya dari dikelilingi dengan faktor risiko

maka perlunya analisis atau penyelidikan mendalam mengenai faktor-faktor yang yang menyebabkan pengulangan jenayah.

Kepelbagai teori jenayah ini, terutama dalam konteks kertas konsep ini dapat membentuk pemahaman mengenai penyebab sosial, psikologi dan ekonomi dari kegiatan jenayah dalam kalangan residivis. Penulis telah melampirkan sekumpulan rangkaian teori utama yang membincangkan tentang tingkahlaku jenayah yang boleh menjadi assa kepada perbincangan kertas konsep tentang pengulangan jenayah. Oleh kerana teori-teori ini berdasarkan ilmiah, teori-teori ini dapat menyediakan atau disesuaikan dan digunakan untuk pencegahan pengulangan jenayah di Malaysia.

Namun demikian, perbincangan kertas konsep ini hanya bersifat deskriptif dan memerlukan kajian empirikal pada kajian masa akan datang dalam membuktikan kesahihan dan kerelevan penggunaan sesuatu teori jenayah tersebut. Memahami sistem keadilan jenayah dan membuat keputusan tentang faktor pengulangan jenayah mampu mencetuskan usaha baru untuk mencari jalan penyelesaian kepada tingkahlaku jenayah semula ini.

Penggunaan teori-teori jenayah yang telah dikupaskan ini diperlukan untuk memberikan gambaran yang lebih luas mengenai pengulangan jenayah di dalam Malaysia. Oleh itu, tidak diragukan lagi bahawa teori-teori yang dipilih, walaupun dibahas secara berasingan dan secara asas tetapi masih relevan dan sangat sesuai untuk membuktikan kepelbagai pemahaman mengenai situasi mengenai pengulangan jenayah itu.

Namun, apakah dorongan dan bagaimana kehidupan jenayah berterusan menjadi dilema sehingga kini. Ramai yang menganggap bahawa penjenayah adalah pembuat keputusan yang rasional - mereka mempertimbangkan situasi peribadi termasuk keperluan wang, dan nilai peribadi, sebelum memilih untuk melakukan kejahanan (Siegal & McCormick, 2006). Oleh itu, mereka terlibat dalam jenayah untuk menjana pendapatan untuk memenuhi keperluan asas mereka.

Kepelbagai lensa yang wujud dari sudut biologi, psikologi, ekonomi, sosiologi dan sebagainya dalam mengkaji tentang pengulangan jenayah merupakan suatu kajian yang menarik. Teori klasik memberikan penjelasan umum bahawa bekas banduan mengulangi jenayah untuk mendapatkan kesenangan atau keuntungan dalam hidup dan kesukaran perjalanan hidup

boleh menyebabkan bekas banduan akan cenderung untuk kembali kepada tingkahlaku jenayah semula. Teori Positivisme yang wujud juga boleh digunakan untuk mengkaji tentang pengulangan jenayah. Dapatkan yang terhasil pada masa akan datang dapat mengisi kelompangan yang ada dalam isu pengulangan jenayah. Walaupun terdapat pelbagai kritikan tentang Teori Positivisme, ia tidak menjadi penghalang untuk mengkaji pengulanglaku jenayah (residivis). Hal ini kerana keperluan untuk mengisi kelompangan yang wujud tentang isu; sama ada kajian menolak atau menerima teori positivisme yang ada.

Dari sudut Teori Pilihan Rasional, tingkahlaku mencuri merupakan tindakan yang dilakukan oleh bekas banduan dalam memperoleh wang atau pendapatan dengan mudah. Ketiadaan pekerjaan menyebabkan kehidupan yang tertekan dan menjadikan mencuri itu sebagai suatu yang rasional. Dari sudut Teori Pilihan Rasional, bekas banduan akan melihat kejayaan mendapatkan kewangan sebagai suatu keseronokan, namun, sekiranya tertangkap, maka ia akan dilihat sebagai kesakitan/kerugian yang perlu dipikul. Maka ia merupakan suatu pilihan sama ada ingin mendapatkan keseronokan atau kesakitan. Kegagalan bekas banduan mencuri yang membawa kepada penangkapan turut juga dianggap sebagai salah perkiraan (*miscalculation*) yang telah dibuat. Begitu juga bagi yang mempunyai ketagihan dadah, pengambilan dadah dapat memaksimumkan keseronokan mereka. Sekiranya mereka mengambil dadah dan ditangkap, terdapat kemungkinan mereka akan dipenjarakan (iaitu menghadapi kesakitan). Tetapi pada masa sama sekiranya tidak mengambil dadah juga boleh menyebabkan mereka berada dalam kesakitan pada tubuh badan dan mengalami perasaan gian secara berterusan. Maka, mereka berada dalam situasi untuk perlu membuat keputusan pada sesuatu yang membawa kepada keseronokan atau kesakitan. Jika melihat daripada Teori Pilihan Rasional, pemilihan mengambil dadah boleh menjadi suatu yang rasional buat bekas banduan ini.

Malahan, perkaitan antara Teori Psikologi dan pengulangan jenayah turut sesuai dipertimbangkan memandangkan keadaan psikologi seseorang bekas banduan mempunyai kesan dalam mempengaruhi tingkahlaku pengulangan jenayah dalam diri. Teori psikologi yang meliputi psikoanalisis, behaviorisme, dan kognitif boleh menjadi panduan dalam mengkaji isu

pengulangan jenayah. Dari sudut Teori Psikoanalisis, jenayah yang berlaku boleh berpunca daripada naluri yang mendesak untuk mendapatkan kepuasan dalam diri. Ketidakseimbangan yang berlaku dalam pemikiran menjadikan mereka berterusan terlibat dengan pengulangan jenayah. Teori Behaviorisme pula memfokus kepada peranan faktor persekitaran dalam mempengaruhi tingkahlaku pengulangan jenayah bekas banduan. Teori Kognitif pula menjelaskan tingkahlaku jenayah sebagai suatu kecacatan pemikiran moral, proses pemikiran, dan perkembangan mental. Semua ini boleh membawa kepada pemahaman tentang isu pengulangan jenayah yang berlaku.

Selain itu, Teori Struktur Sosial menekankan kemiskinan, kekurangan pendidikan, dan ketiadaan kemahiran yang boleh dipasarkan yang boleh menyebabkan tingkahlaku jenayah. Dari sudut Teori Proses Sosial, proses kehidupan mendorong kepada pengulangan jenayah. Pendekatan proses sosial termasuk Teori Pembelajaran Sosial, Teori Kawalan Sosial dan Teori Perlabelan. Dari sudut pembelajaran sosial, tingkahlaku pengulangan ini boleh tercetus daripada pemerhatian dan peniruan bekas banduan terhadap tingkahlaku orang lain di sekeliling. Bekas banduan cenderung untuk menormalisasikan tingkahlaku pengulangan jenayah berdasarkan proses pemerhatian dari keadaan sekeliling. Sebagai contoh, pengaruh rakan-rakan senasib boleh menyebabkan mereka ini terpengaruh untuk berterusan melakukan jenayah atau mengambil sebagai satu jalan pintas dalam mendapatkan kewangan.

Dari sudut kawalan sosial, pengulangan jenayah yang berlaku berpunca daripada ikatan hubungan (bon) yang lemah dalam diri seseorang seseorang bekas banduan. Sebagai contohnya, teori ini ada menyebutkan tentang ibu bapa yang membesar seseorang mampu menentukan pembentukan kawalan sosial dalam diri. Ia boleh menyebabkan pengaruh kawalan sosial yang wujud boleh menentukan sama ada seseorang itu untuk tidak terlibat dalam jenayah atau tidak. Begitu juga dari sudut pengulangan jenayah apabila kawalan sosial yang rendah boleh menyebabkan bekas banduan melibatkan diri dalam tingkahlaku secara berterusan. Pengulangan jenayah berpunca daripada kawalan sosial yang lemah boleh menjadikan bekas banduan akan memilih tingkahlaku jenayah apabila setiap kali dibebaskan.

Dalam Teori Reaksi Sosial / Teori Label, pengulangan jenayah boleh berlaku disebabkan oleh label yang dikenakan kepada bekas banduan. Masyarakat yang mengetahui tentang rekod pemenjaraan seseorang bekas banduan boleh mengenakan label negatif terhadap bekas banduan ini. Label negatif yang dikenakan boleh mempengaruhi tingkahlaku bekas banduan untuk memilih tingkahlaku jenayah sebagai suatu pilihan tindak balas individu.

Kajian pengulangan jenayah turut boleh diteliti merentasi kehidupan apabila meneliti proses yang dilalui oleh seseorang residivis dari sudut Teori Perspektif Kitaran Kehidupan. Hal ini kerana pembentukan kawalan diri yang terbentuk hasil dari proses kehidupan yang dilalui dari kecil sehingga dewasa. Proses kehidupan yang sukar dan destruktif semasa membesar boleh memberi kesan dan mempengaruhi tingkahlaku semasa dewasa. Ini yang cuba didebatkan oleh Teori Pengkelasan Umur yang melihat pembinaan kawalan diri akibat daripada peristiwa hidup dan trajektori kehidupan yang dilalui oleh seseorang individu. Peristiwa hidup negatif yang dilalui residivis boleh menjadi faktor pencetus kepada pengulangan jenayah.

Secara umumnya, kegagalan berintegrasi banyak berpunca daripada ketiadaan sistem sokongan dan kawalan dalam diri bekas banduan. Ketiadaan pantauan atau kawalan menjadikan bekas banduan bebas terlibat semula dalam jenayah tanpa memikirkan kesan buruknya. Bekas banduan yang tidak mempunyai pekerjaan dan juga keluarga yang menolak telah menjadikan kawalan sosial mereka dalam keadaan yang defisit. Semua ini bertindak sebagai peristiwa hidup negatif yang boleh menjelaskan proses integrasi semula. Perkara ini menyebabkan rata-rata bekas banduan memilih untuk terlibat dalam jenayah disebabkan oleh pilihan hidup yang mudah pada ketika itu.

## **Kesimpulan**

Residivisme boleh diteliti dan difahami melalui pelbagai teori sosial. Ia mampu memberi gambaran yang lebih menyeluruh, mendalam dan dari pelbagai sudut mengenai pengulangan jenayah khususnya dalam kalangan bekas banduan. Secara tidak langsung, usaha ini dapat memberikan idea baru dalam bidang kerja sosial bagi membantu golongan tersebut untuk berintegrasi dengan lebih

baik dalam kehidupan bermasyarakat. Dari sudut keadilan jenayah, kupasan teori menunjukkan residivisme boleh terjadi daripada pelbagai faktor seperti psikologi, sosisologi, peribadi, ekonomi, sosial dan sebagainya. Cetusan dari perbincangan teori dalam kertas konsep ini juga boleh dijadikan input berguna kepada pembuat dasar, perancang program dan pengurus kes dalam tugas mereka bagi menghasilkan intervensi yang lebih berkesan dalam menangani isu residivisme di negara ini yang telah berlarutan sekian lama sehingga menjelaskan perasaan selamat dalam kalangan masyarakat dan seterusnya menggugat kesejahteraan masyarakat.

## Pengakuan

Penulisan ini adalah berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki penulis pertama sepanjang mengkaji tentang pengulangan jenayah di dalam Malaysia. Penulis pertama telah menjalankan sebuah kajian di peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2018. Kajian tersebut bertajuk “Keperluan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berdasarkan komuniti untuk bekas banduan”. Penulis telah menjalankan sebuah kajian kualitatif dengan menemubual 16 orang pengulanglaku jenayah (residivis) dan tiga orang yang berjaya berhenti jenayah (desistan). Kajian tersebut telah menggunakan Teori Pengkelasan Umur oleh Sampson dan Laub dalam membincangkan dapatan yang telah ditemui. Penulisan ini telah diilhamkan daripada kajian Doktor Falsafah penulis pertama apabila penulis melihat kebolehan untuk membincangkan dapatan kajian tersebut daripada pelbagai teori.

## Rujukan

- Ackerman, A.R. & Sacks, M. (2012). Can General Strain Theory be used to explain recidivism among registered sex offenders? *Journal of Criminal Justice*, 40, 187-193.
- Bandura, A., & Walters, R.H. (1963). *Social learning and personality development*. Holt Rinehart and Winston.
- Benda, B.B. (2005). Gender differences in Life-Course Theory of Recidivism: A survival analysis. *International Journal of Offender Therapy Comparative Criminology*, 49, 325-342.
- Blokland, A. & Nieuwbeerta, P. (2005). The effects of life circumstances on

- longitudinal trajectories of offending. *Criminology*, 43(4), 1203–240.
- Burgess, R.L. & Akers, R.L. (1966). A differential association-reinforcement theory of criminal behavior. *Social Problems*, 14,128-47.
- Clarke, R.V. (1983) Situational crime prevention: Its theoretical basis and practical scope. In Michael Tonry and Norval Morris (pnyt.), *Crime and Justice* [p. 225-256]. University of Chicago Press.
- Cornish, D.B. & Clarke, R.V. (1986). *The reasoning criminal*. Springer-Verlag.
- Cressey, D. (1964). *Delinquency, crime and differential association*. Martinus Nijhoff.
- Farrington, D. P. (1993). Understanding and preventing bullying. In M. Tonny, & N. Morris (Eds.), *Crime and justice* [p. 381-458]. University of Chicago Press.
- Henslin, J.M., Possamai. A.M., Possamai-Inesedy, A.L, Marjoribanks, T. & Elder, K. (2015). *Sociology: A down to earth Approach*. Pearson Higher Education AU.
- Hirschi, T. (1969). *Causes of delinquency*. University of California Press.
- Hirschi, T., & Gottfredson, M.R. (1995). Control theory and the life-course perspective. *Studies on Crime & Crime Prevention*, 4(2), 131–142.
- Jabatan Penjara Malaysia 2020. Jumlah pembebasan dan banduan pengulanglaku jenayah, 2010-2019.
- King, R. & Elderbroom, B. (2014). *Improving recidivism as a performance measure*. Urban Institute.
- Kokko, K., Tremblay, R.E., Lacourse, E., Nagin, D.S., & Vitaro, F. (2006). Trajectories of Prosocial Behavior and Physical Aggression in Middle Childhood: Links to Adolescent School Dropout and Physical Violence. *Journal of Research on Adolescence*, 16(3), 403-428.
- Krapfl, J. E. (2016). Behaviorism and Society. *The Behavior Analyst*, 39(1), 123-9. doi:10.1007/s40614-016-0063-8.
- Lilly, J. R., Cullen, F. T. & Ball, R. A. (1995). *Criminological theory: Context and consequences*. Sage Publications.
- Listwan, S. J., Sullivan, C. J., Agnew, R., Cullen, F. T. & Colvin, M. (2013). The Pains of Imprisonment Revisited: The Impact of Strain on Inmate Recidivism. *Justice Quarterly*, 30 (1), 144-168.
- Malone, J. C. (2014). Did John B. Watson really "found" Behaviorism? *The Behavior Analyst*, 37 (1), 1-12. doi:10.1007/s40614-014-0004-3.

- Merton, R. (1938). Social structure and anomie. *American Sociological Review*, 3(5), 672–682.
- Moffitt, T. (1993). Adolescence limited and life-course-persistent antisocial behaviour: A developmental taxonomy. *Psychological Review*, 100(4), 674–701.
- Mohd Alif Jasni (2018). Keperluan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berdasarkan komuniti untuk bekas banduan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md. Shahid, Noralina Omar (2017). Konsep Residivisme: kekaburuan definisi, pengukuran dan praktis. *Akademika*, 87(3), 101-122.
- Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat (2016). Aggression profiles of incarcerated Malaysia. *Akademika*, 86 (2), 137-147.
- Sampson, R.J., & Laub, J.H. (1993). *Crime in the making: Pathways and turning points through life*. Harvard University Press.
- Sampson, R. & Laub, J. (2005). A life-course view of the development of crime. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 602, 12–45.
- Siegel, L. J. & McCormick, C. R. (2006). *Criminology in Canada: Theories, patterns, and typologies*. Thomson Nelson.
- Tenibaje, D. (2013). Educational attainment and peer group influence as predictors of recidivism. *International Review of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 30-37.
- Thomas, M., Hurley, H. & Grimes, C. (2002). *Pilot analysis of recidivism among convicted youth and young adults, 1999/00*. Ottawa – Ontario. Statistics Canada.
- Thornberry, T. (Pnyt.). (1997). *Developmental theories of crime and delinquency*. Transaction Publishing.
- Zweig, J. M., Yahner, J., Visher, C. A., & Lattimore, P. K. (2015). Using General Strain Theory to explore the effects of prison victimization experiences on later offending and substance use. *The Prison Journal*, 95(1), 84-113.